



UCAPAN AMANAT:

YAB DATO' SERI DR. AHMAD ZAHID HAMIDI
TIMBALAN PERDANA MENTERI

SEMPENA:

SEMPENA MAJLIS AMANAT TAHUN BAHARU 2026
OLEH YAB TIMBALAN PERDANA MENTERI
KEPADA WARGA AGENSI PENGURUSAN BENCANA
NEGARA

TARIKH/ MASA:

KHAMIS, 8 JANUARI 2026

LOKASI:

MARKAS SMART
PULAU MERANTI, PUCHONG

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

SALUTASI

MUKADIMAH

1. Statistik bencana sering dibaca sebagai angka. Tetapi bagi mereka yang mengalaminya, setiap angka itu membawa kehilangan, ketakutan dan trauma yang tidak tertera di atas kertas.
2. Di sini, saya melihat peranan besar NADMA dan Pasukan SMART, memastikan nyawa dan harta rakyat berada dalam keadaan selamat. Dalam krisis, kelewatan membuat keputusan boleh merugikan. Kelewatan tindakan pula boleh mencipta tragedi. Biar pun amanah ini berat, kesiapsiagaan itulah kunci untuk kita bertindak cepat.
3. Benar, bencana berlaku di luar kawalan, namun kesannya mampu untuk kita kurangkan. Atas kesedaran inilah, kita berhimpun dalam Sesi Amanat Tahun Baharu 2026 bukan sekadar pertemuan tahunan, tetapi ruang

muhasabah sama ada kita benar-benar bersedia menghadapi sebarang kemungkinan.

4. Di sini, saya ingin menzahirkan penghargaan buat wira-wira di barisan hadapan, seluruh anggota NADMA, SMART dan agensi penyelamat. Di bahu anda letaknya amanah yang sukar, tertanam di jiwa semangat, komitmen dan dedikasi yang besar. Biarpun cabaran bencana sentiasa berubah rupa, kecekalan anda tetap teguh demi memastikan rakyat sentiasa terjaga.

REALITI DAN PENGURANGAN RISIKO BENCANA

Sidang hadirin sekalian,

5. Kita mesti jujur dengan realiti. Bencana hari ini tidak lagi bersifat terasing atau bermusim. Ia turut didorong oleh perubahan iklim, pembangunan pesat dan urbanisasi, kepadatan penduduk serta ketidaktentuan global yang merentas sektor.
6. Jika kita perhatikan, bencana hari ini telah melangkaui soal alam sekitar. Ianya turut merangkumi kesihatan awam, krisis kemanusiaan serta gangguan teknologi dan infrastruktur kritikal. Sebab itu, pendekatan lama tidak lagi memadai.

7. Dalam pengurusan risiko, kita membezakan antara bahaya, pendedahan dan kerentanan. Bahaya mungkin di luar kawalan, tetapi pendedahan dan kerentanan itulah yang wajib kita urus melalui dasar, perancangan dan kesiapsiagaan.
8. Negara mesti beralih daripada sekadar bertindak selepas bencana, kepada mengurangkan risiko sebelum bencana berlaku, daripada hanya responsif kepada pencegahan dan mitigasi dan daripada pendekatan yang bergerak secara silo kepada pendekatan *Whole-of-Government* untuk pembinaan daya tahan dalam berhadapan krisis dan bencana.
9. Atas asbab inilah kita gubal **Dasar Pengurangan Risiko Bencana Negara 2030** yang bukan sekadar menjadi keperluan nasional tetapi sebagai satu komitmen jangka panjang negara untuk meningkatkan kesedaran dan kesiapsiagaan masyarakat terhadap bencana melalui pengurusan risiko yang komprehensif dan holistik.
10. Melangkah ke tahun 2026, NADMA mesti berdiri teguh sebagai institusi teras negara, bukan sekadar nadi koordinasi nasional dan pusat arahan krisis, tetapi sebagai institusi autoriti maklumat negara yang

menyatukan data, menangkis kekeliruan dan memastikan kebenaran sampai kepada rakyat tepat pada masanya.

11. Sebab itu, RM460 juta telah diperuntukan kepada NADMA di dalam Belanjawan 2026 untuk persediaan menghadapi dan menguruskan bencana. Ini bagi memastikan pengurusan bencana dapat dilakukan dengan berkesan dan mengurangkan impak kehilangan nyawa dan harta benda kepada mangsa-mangsa bencana.
12. Di peringkat tertinggi negara, sudah tiba masanya kita menilai dan memperkukuh mekanisme urus tertinggi pengurusan bencana negara melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP).
13. Ketika ini, jawatankuasa sedia ada masih belum melibatkan penyertaan secara langsung Menteri Besar dan Ketua Menteri, sedangkan Kerajaan Negeri memegang kuasa penting dalam aspek pembangunan, guna tanah serta pengurusan sumber air—faktor-faktor kritikal yang amat mempengaruhi tahap risiko serta impak bencana.

14. Begitu juga keperluan penglibatan menyeluruh Menteri Persekutuan yang mempunyai mandat dan keupayaan untuk menyelaraskan semua aspek secara bersepadu merentas kementerian dan agensi, sekali gus membolehkan keputusan strategik dibuat dengan lebih pantas, tegas dan berkesan.
15. Sehubungan itu, **saya ingin mencadangkan agar Majlis Pengurusan Bencana Negara ditubuhkan sebagai sebuah badan tertinggi** yang bertanggungjawab menyelaraskan pengurusan bencana serta pengurangan risiko bencana.

MONSUN TIMUR LAUT 2025/2026 & PEMBAHARUAN BERIMPAK

Hadirin sekalian,

16. Saya ingin kita semua menjadikan pengurusan **Monsun Timur Laut 2025/2026** sebagai **satu penanda aras baharu** dalam pengurusan bencana negara, kerana pada hemah saya persediaan awal yang dimulakan melalui **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP)**, disusuli dengan penyelarasan yang konsisten di peringkat lapangan, telah membuktikan bahawa kerjasama rentas kementerian,

jabatan, agensi serta Kerajaan Negeri mampu **mengurangkan kelewatan, meminimumkan kekeliruan dan mempercepatkan tindak balas ketika rakyat berada dalam situasi paling kritikal.**

17. Seterusnya, satu lagi *game changer* dalam pengurusan bencana ialah pelaksanaan **Bantuan Wang Ihsan (BWI)** melalui kaedah *electronic fund transfer* (EFT) hasil pendekatan *cross-functional* yang dilakukan dengan **Bank Simpanan Nasional**, yang disokong oleh sistem digital menerusi aplikasi **MyIBJKM** yang dibangunkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
18. Pendekatan ini telah mengubah secara ketara pengalaman mangsa bencana daripada proses yang sebelum ini memerlukan tempoh menunggu antara **tiga hingga enam bulan**, kepada penyaluran bantuan yang kini dapat dilaksanakan dalam **tempoh hanya satu hingga tiga minggu** selepas pusat pemindahan ditutup.
19. Ya, perubahan ini mungkin kelihatan teknikal di atas kertas, namun kesannya **amat manusiawi**. Setiap hari menunggu adalah beban kepada rakyat yang kehilangan tempat tinggal, sumber pendapatan dan ketenangan hidup. Apabila bantuan dipercepatkan, yang dipulihkan

bukan sekadar aliran kewangan, tetapi **maruah, keyakinan dan harapan rakyat.**

HALA TUJU 2026 — TIGA HALA TUJU STRATEGIK

Hadirin sekalian,

20. Bagi memastikan segala pembelajaran ini diterjemahkan kepada tindakan yang lebih tersusun, saya ingin menggariskan **tiga hala tuju strategik**:
21. Pertama, **Kesiapsiagaan Berasaskan Sains, Data dan Teknologi**. Pengurusan bencana tidak boleh lagi bergantung kepada institusi semata-mata. Kita mesti memanfaatkan data raya, analitik ramalan serta integrasi maklumat cuaca, geospatial dan risiko sosial. Sistem amaran awal pintar perlu diperkukuh, dan pendekatan *anticipatory action* mesti dijadikan amalan supaya kita bertindak **sebelum bencana berlaku**, bukan hanya selepas kerosakan terjadi.
22. Kedua, **tindakan Pantas, Terselaras dan Berdisiplin**. Kecekapan di lapangan bergantung kepada struktur arahan yang jelas, protokol respons kebangsaan yang standard, serta latihan bersepadu dan simulasi krisis yang konsisten. Dalam konteks ini, peranan Pasukan

SMART sebagai pasukan elit negara perlu terus diperkukuh bukan sahaja dari segi keupayaan teknikal, tetapi juga sebagai simbol disiplin, ketangkasan dan kesiapsiagaan nasional.

23. Ketiga, **Kemanusiaan Berteras Nilai dan Empati.** Dalam setiap tindakan, keselamatan dan maruah mangsa mesti menjadi keutamaan. Pendekatan berpusatkan rakyat perlu menjadi asas, dengan bantuan disalurkan secara cepat, adil dan berintegriti. Pastikan setiap gerak kerja bantuan dilakukan seperti kita membantu ahli keluarga sendiri, dilakukan dengan ihsan, hormat dan amanah. **Setiap tindakan di lapangan bukan sekadar soal pelaksanaan, tetapi soal hati dan tanggungjawab.**
24. Jadikanlah ketiga-tiga hala tuju strategik ini sebagai kompas yang akan memacu tindakan dan memandu pelaksanaan NADMA pada tahun ini agar lebih berdaya tahan dan diyakini rakyat dalam menghadapi apa jua situasi bencana.

PEMBANGUNAN KAPASITI & MODAL INSAN NADMA

Hadirin sekalian,

25. Saya tahu, tahun ini **penting buat Pasukan SMART yang akan menjalani *INSARAG External Reclassification (IER)*** sebagai satu usaha memperkukuhkan keupayaan teknikal disamping mengangkat imej negara kerana keterlibatan di dalam misi bantuan dan tindak balas bencana di peringkat antarabangsa.
26. Sewaktu Kepengerusian ASEAN oleh Malaysia pada tahun 2025, NADMA turut menyumbang kepada pencapaian keberhasilan yang substantif melalui **penerimaan *East Asia Summit (EAS) Leaders' Statement on the Localisation of Anticipatory Action for Disaster Preparedness and Response*** - yang telah diterima pakai di Kuala Lumpur. Tahniah saya ucapkan kepada NADMA atas sumbangan bermakna tersebut.
27. Seiring dengan itu, usaha penstrukturan semula NADMA, pewujudan NADMA di setiap negeri, pelaburan strategik dalam infrastruktur latihan, MyCEDM, Bailey Bridge, *satellite warehouses*, serta pelaksanaan Program PRESTIJ dan laluan kerjaya *Subject Matter Expert* adalah langkah penting untuk menjadikan NADMA lebih tangkas dan berwibawa.

PENUTUP

Hadirin yang saya hormati,

28. Pesan saya kepada seluruh warga **NADMA** dan **Pasukan SMART: bersedialah sebelum diuji, bertindak tanpa berlengah, dan berkhidmatlah berteraskan nilai.**
29. Amanah yang kita galas ini bukanlah amanah kecil. Ia adalah amanah kepada Allah SWT dan amanah kepada rakyat. Amanah untuk melindungi nyawa, memelihara maruah dan memastikan negara sentiasa bersedia menghadapi ujian yang tidak kita pinta, tetapi pasti akan datang.
30. Saya menyeru seluruh warga NADMA dan Pasukan SMART agar terus mengekalkan semangat kebersamaan, memperkukuh profesionalisme, dan menjunjung tinggi integriti dalam setiap keputusan serta tindakan.
31. Yakinlah, dengan kesatuan yang jitu, tadbir urus yang kukuh dan kepimpinan yang jelas, NADMA akan terus

berdiri sebagai institusi yang diyakini rakyat, disegani di peringkat antarabangsa, dan teguh sebagai **benteng kemanusiaan negara**.

Sekian,

Wabillahi taufiq wal hidayah, Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.